

Pemimpin2 tiga parti sama2 yakin menang

KOTA BHARU, Jumaat — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Tengku Razaleigh Hamzah masing-masing penuh yakin, Barisan Nasional akan memenangi pilihanraya Dewan Undangan Negeri Kelantan esok.

Timbalan Perdana Menteri berkata, "saya yakin kita akan menang esok."

Manakala Tengku Razaleigh selaku Pengerusi Bn Kelantan pula berkata, "kita pasti menang sekurang-kurangnya 19 kerusi dan akan membentuk Kerajaan Campuran dengan Berjasa."

Datuk Seri Dr. Mahathir menyebut demikian dalam sidang akhbar di Lapangan Terbang Pangkalan Chepa di sini petang ini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur setelah berada di Kelantan tiga hari.

Hadir sama Tengku Razaleigh Hamzah Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, pilihanraya kecil atau umum adalah penting kepada Bn.

Kepada satu pertanyaan beliau berkata, Adakah sangat mendukacitakan sekiranya rakyat memilih Pas sekali lagi.

Tegasnya, Malaysia mengamalkan sistem demokrasi dan rakyat mempunyai kebebasan

memilih kerajaan yang mereka suka.

"Terpulanglah kepada rakyat hendak memilih siapa, kita telah memberi penerangan terhadap hasrat kita untuk berkhidmat dan membawa pembangunan ke negeri ini," ujarnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, beliau meletakkan keyakinan Bn menang berdasarkan kepada sambutan rakyat kepada kempen dan ceramah-ceramah yang dianjurkan oleh Bn dan Umno.

Ditanya, sejauh manakah kerjasama antara Bn dan Berjasa dalam Kerajaan Campuran nanti sekiranya Datuk Haji Mohamad Nasir kalah dalam pilihanraya esok, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, "kita biasa bekerjasama dengan musuh kita seperti Ppp dan Pas dan kita belum bermusuh dengan Berjasa."

Kepentingan

Beliau menyatakan, Bn tidak tamak kuasa dan oleh itu sanggup bekerjasama dengan musuhnya demi kepentingan rakyat dan negara.

Tengku Razaleigh ketika ditemui selepas sidang akhbar itu berkata, "kita pasti menang esok sekurang-kurangnya 19 kerusi."

Beliau penuh yakin Bn akan dapat membentuk kerajaan bersama Berjasa selepas pilihanraya ini.

Tengku Razaleigh menegaskan sekali lagi, Bn tetap dapat mempertahankan 14 kerusi Dewan Undangan Negeri yang dipegangnya sekarang dan akan merebut sekurang-kurangnya lima dari tangan Pas.

Sementara itu, Presiden Pas, Datuk Haji Mohamad Asri berkata hari ini, Pas yakin akan menang, malahan dengan pemulihan semangat perjuangan tahun 1969, beliau yakin akan mendapat kemenangan cemerlang.

Katanya, pada tahun 1969 Pas telah memenangi 28 kerusi daripada

Semua tokoh2 yakin menang

DARI MUKA 1

30 kerusi kawasan negeri dan dua lagi oleh Umno.

Beliau menyeru penyokong-penyokong Pas mengundi parti itu demi kepentingan bangsa dan tanah air.

Datuk Asri berkata lagi, Pas menggunakan Islam sebagai ideologi kerana Islam adalah satu agama yang merangkumi setiap aspek hidup termasuk ibadat dan lain-lain.

Mengenai tuduhan tiada kerjasama semasa Pas memerintah Kelantan beberapa tahun dahulu, beliau berkata, "wujudnya rancangan pengaliran Kemubu adalah satu bukti kerjasama Kerajaan Pas dengan Kerajaan Pusat di masa itu."

Beliau mengingatkan penyokong-penyokong Pas supaya tidak tertipu dengan janji-janji pembangunan kerana pembangunan sahaja tidaklah cukup sekiranya Bumiputera kehilangan kuasa politik mereka.

Presiden Berjasa, Datuk Haji Mohamad Nasir pula berkata, Berjasa mempunyai harapan cerah untuk memenangi 90 peratus dari kerusi-kerusi yang dipertandingkan.

Berjasa bertanding di 25 kawasan. Datuk Haji Mohamad Nasir penuh yakin beliau akan memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Tendeng.

No. Sin: 1241-1242

No. Pen: 912-913/80